

15/05/2003

Syor kaji semula dasar permit teksi

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi Limosin dan Kereta Sewa Malaysia berharap Kementerian Pembangunan Usahawan mengkaji semula beberapa dasarnya yang didakwa merugikan pemandu teksi.

Presidennya, Yusoff Lahir, berkata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz sepatutnya meneliti semula dasar pemberian permit

teksi kepada syarikat yang kemudiannya mengambil keuntungan dengan menyewakannya.

Yusoff berkata, lebih baik permit teksi diberi terus kepada individu supaya pemandu memperoleh pendapatan lebih baik.

Beliau berkata, pada masa ini sebahagian besar pemandu teksi, terutama di Lembah Klang, mendapat permit melalui sewa beli dengan syarikat.

"Mereka terpaksa membayar deposit sehingga RM5,500 dan sewa harian kira-kira RM40. Bagaimanapun apabila terdapat masalah seperti kemalangan atau kerosakan, pemandu terpaksa menanggung sendiri kos, selain sewa harian yang terpaksa dibayar sehingga tempoh lima tahun.

"Apabila mereka tidak menjelaskan sewa dalam tempoh kira-kira 21 hari, teksi akan ditarik balik tanpa memulangkan deposit," katanya yang menghubungi Berita Harian, semalam.

Yusoff juga berkata, kebajikan lebih 29,000 pemandu teksi di Lembah Klang yang sebahagian besar pesara tentera dan polis, tidak dijaga majikan mereka hingga ramai terpaksa tinggal di rumah setinggan yang serba kekurangan.

"Mereka terpaksa mencari antara RM140 hingga RM150 sehari bagi menampung kos teksi dengan pendapatan bersih hanya kira-kira RM40 sehari yang tidak cukup untuk menampung segala keperluan harian," katanya.

Yusoff berkata, pihaknya juga tidak bersetuju dengan sistem teksi berkupon yang diperkenalkan kementerian berkenaan kerana hanya menguntungkan syarikat pengendali sistem itu yang mengambil komisyen daripada tambang yang dibayar kepada pemandu teksi.

"Apa gunanya kementerian memperkenalkan teksi bermeter jika masih lagi membenarkan sistem kupon. Jika mereka ingin mengawasi pemandu teksi, lebih

baik mengadakan kerjasama dengan penguat kuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya.

Beliau berkata, tambang teksi pula tidak dikaji sejak bertahun lalu sedangkan harga petrol dan alat ganti kereta semakin meningkat menyebabkan

pemandu teksi terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM8 sehari.

Yusoff juga meminta kerajaan menambah stesen gas asli untuk kenderaan (NGV) supaya pemandu teksi tidak perlu menunggu antara satu hingga dua jam

untuk mengisi gas itu.

"Sepatutnya lebih banyak pengusaha stesen minyak diberi hak untuk

menjual gas itu," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan usaha Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mengadakan perjumpaan antara pemandu teksi dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Isnin lalu, Nazri berkata kementeriannya sudah menulis surat kepada Perdana Menteri dan Dr Mahathir sendiri menyatakan persetujuan untuk menemui pemandu teksi bagi mendengar masalah mereka.